

AeU tawar kursus golongan berkerjaya

» Gabung latihan terbaik dalam perniagaan menerusi skop global

Umumnya berbanding Barat, Asia memiliki perspektif berbeza dalam konteks pentadbiran perniagaan. Ramai usahawan dan profesional ingin menguasai perspektif baharu terhadap senario perniagaan yang kompleks di benua Asia. Sama ada menyentuh mengenai soal potensi kerja atau kajian yang holistik mengenai perniagaan dan isu ekonomi di Asia, tidak dapat dinafikan rata-rata ahli perniagaan memilih mempelajari program pengajian yang berbilang disiplin seperti MBA bagi mempertingkatkan ilmu perniagaan dan industri, skil pengurusan serta pembuatan keputusan strategik yang mampu menjamin kejayaan organisasi.

Didedikasikan kepada golongan profesional dan ahli perniagaan, program ini mengembangkan latihan terbaik dalam perniagaan menerusi skop global serta memfokus kepada wilayah Asia yang dinamis.

Program pengajian Sarjana Pengurusan Perniagaan (MBA) ditawarkan oleh Sekolah Pengurusan (School of Management) melalui dua pengkhususan yang direka, khususnya untuk golongan berkerjaya yang berminat untuk meningkatkan laluan kerjaya dan profesionalisme mereka. Menerusi program teras MBA dalam bidang pengurusan perniagaan dan keusahawanan, pelajar dilengkapi skil penting yang diperlukan pemimpin untuk berjaya dalam sektor korporat waima perniagaan.

Ia juga bertekad menjana kebolehan dan memperkasa ilmu pelajar dalam pengurusan perniagaan melalui pembentukan portfolio kompetensi berteraskan pengurusan, kewangan strategik, pemasaran, analisis sistem serta pembuatan keputusan melalui isu-isu dan cabaran perniagaan pada peringkat tempatan serta global.

Pengajian sepenuh masa, separuh masa

Program MBA di AeU yang ditawarkan secara sepenuh masa dan separuh masa ini telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Pelajaran Malaysia dan diktiraf melalui proses pengakreditasian oleh Agensi Kelayakan Malaysia. Bagi pengajian sepenuh masa, pelajar boleh menamatkan program dalam tempoh 12 bulan, sementara pengajian separuh masa memerlukan jangka masa di antara 16 hingga 24 bulan terakluk kepada kemampuan pelajar. Kelas-kelas bagi kedua-dua



Pengajian fleksibel memudahkan golongan bekerja untuk belajar dan bertugas.

mod pengajian ini hanya dijalankan pada hujung minggu, menjadikannya amat ideal bagi golongan bekerja.

Program ini menggunakan kaedah pembelajaran teradun; iaitu kombinasi pembelajaran bersama dan juga pembelajaran interaktif atas talian.

Matlamat utama program MBA ini untuk melengkapkan pelajar dengan skil yang diperlukan dalam menangani cabaran di tempat kerja yang semakin kompetitif. Pelajar akan memperolehi pengetahuan perniagaan dari perspektif global yang digarap dengan kajian mendalam terhadap kuasa ekonomi Asia, belajar bagaimana bentuk perniagaan dijalankan khususnya di wilayah Asia, seterusnya berupaya menemukan langkah penyelesaian tanpa mengira batas sempadan. Pelajar turut mempelajari skil analitikal yang penting serta relevan kepada amalan perniagaan kontemporari sehingga mampu membangunkan kaedah untuk mengaplikasikan skil dengan realistik.

Pelajar juga akan didekah dengan teknik untuk menghubungkan kait secara holistik trend pasaran dan impaknya ke atas perniagaan semasa.

Pelajar akan belajar menggunakan pengetahuan dan skil yang diperlukan untuk menjadi pemimpin yang bersifat global serta berorientasikan transformasi dan landasan sosial, melalui pendekatan khusus kepada landskap perniagaan di Asia. Mereka juga

akan berkongsi taktik dan strategi perniagaan untuk beroperasi di segenap Wilayah Asia berserta amalan perniagaan terbaik oleh syarikat terkemuka Asia.

AeU mereka khas kurikulum program MBA yang fokus kepada keperluan industri yang mencernakan hasil serta amalan terbaik perniagaan global dalam konteks pasar Asia yang unik. Bagi mendapatkan hasil pembelajaran terbaik, kurikulum program ini sentiasa melalui proses pengemaskinian oleh barisan tenaga pengajar akademik serta profesional industri yang terpilih.

Program MBA di AeU

Pelajar akan dilengkapi inti sari industri yang relevan daripada pelbagai disiplin pengurusan perniagaan, serta kebolehan berfikir secara inovatif dan reflektif mengenai impak pembuatan keputusan terutama ketika memimpin sesebuah syarikat atau organisasi.

Justeru, ia menjadikan program MBA di AeU ini sebagai istimewa dan berbeza daripada program MBA yang lain yang ditawarkan dalam pasaran.

Sekolah Pengurusan (School of Management) di AeU dikenali umum dengan penerapan pembelajarannya yang berdasarkan kepemimpinan dari sudut perspektif Asia. Konsep ini juga diguna pakai pelajar dan rakan korporatnya untuk mendalamai aspek pengurusan yang bersifat global, tetapi mengikut acuan Asia. Sekolah Pengurusan terdiri daripada tenaga akademik dan Fasilit-

tator Akademik yang memiliki ijazah kedoktoran daripada universiti terkemuka serta mempunyai pengalaman bekerja yang luas. Sehubungan itu, berbekalkan penguasaan pengetahuan yang komprehensif perihal konsep dan amalan perniagaan dari Barat serta kefahaman yang mendalam mengenai perniagaan mengikut perspektif Asia, ianya telah menjadikan Sekolah Pengurusan di AeU ini sebagai institusi terbaik dalam menerajui pendidikan dan penyelidikan berdasarkan perniagaan.

“Walaupun terdapat pelbagai cabaran dihadapi ekonomi global, negara di Asia dijangka mampu bertahan, malah berupaya muncul sebagai wilayah pertumbuhan ekonomi yang mampan. Terdapat peningkatan permintaan di Asia mengenai barang pengguna yang mencetuskan minat syarikat multinasional untuk beroperasi di sini. Banyak organisasi dalam wilayah Asia turut berusaha untuk menghasilkan inovasi terkini.

“Oleh yang demikian, AeU sebagai peneraju dalam pendidikan jarak jauh di Asia adalah destinasi ideal bagi para pelajar untuk menimba ilmu dan skil perniagaan yang menjurus kepada benua ini. Program MBA di AeU menjanjikan pendekatan mendalam mengenai perniagaan di Asia berorientasikan perspektif global,” kata Dekan Sekolah Pengurusan, Profesor Dr Juhary Ali yang menyifatkan menyertai program MBA di AeU akan menjadi pelaburan terbaik.

“Pengalaman belajar di AeU relevan dan komprehensif mampu melancarkan pelayaran karier anda merentas lautan cabaran dan peluang perniagaan khususnya dalam era kebangkitan ekonomi Asia,” katanya.

Selaras keperluan dan perkembangan pasaran, AeU sentiasa membuka peluang bagi pelajar melanjutkan pengajian ke pe-

ringkat tertinggi pada kos yang kompetitif dan fleksibel. Pengajian bersifat fleksibel secara pembelajaran, memudahkan golongan bekerja untuk belajar dan menjalankan tugas secara serentak tanpa perlu mengabaikan tanggungjawab profesional dan juga peribadi.

Kemasukan pengajian MBA boleh dinilai melalui ‘Sistem Kemasukan Biasa’ atau ‘Sistem Kemasukan Terbuka’. Bagi Kemasukan Biasa, calon perlu memiliki kelayakan sarjana muda atau sebarang kelayakan setaraf daripada organisasi yang diktiraf.

Sementara itu, melalui Kemasukan Terbuka, AeU memberi peluang kedua kepada calon yang tidak mempunyai kelayakan akademik seperti yang digariskan dalam Kemasukan Biasa. Kemasukan Terbuka adalah lebih fleksibel iaitu syarat kemasukan ialah calon harus berusia sekurang-kurangnya 35 tahun ketika memohon serta memiliki kelayakan STPM/Matrikulasi/Diploma/kelayakan yang diktiraf, di samping mempunyai pengalaman bekerja dalam bidang berkenaan.

Infrastruktur pembelajaran di AeU

Bagi memenuhi keperluan pelajar, AeU menyediakan kemudahan dan kelengkapan yang menyokong kepada pembelajaran seperti portal khas iaitu Personalised Learning Space (myPLS) dan perpustakaan fizikal serta digital yang dipanggil sebagai Knowledge Centre.

myPLS membolehkan pelajar mengakses dan memuat turun material digital pembelajaran lebih awal pada bila-bila masa di mana sahaja mereka berada. Melalui portal ini juga, AeU berjaya menghubungkan secara atas talian dengan lebih efektif antara pelajar, ahli akademik, pakar mata pelajaran (subject matter expert) dan penyelaras program tanpa mengira sempadan dan faktor geografi. Knowledge Centre di AeU pula antara pusat sumber yang paling komprehensif di negara ini. Ia memiliki koleksi sumber pembelajaran dalam bentuk bercetak dan atas talian yang merangkumi 7,000 judul buku serta akses kepada lebih daripada 100,000 e-buku, 71,000 e-jurnal dan 1.6 juta e-tesis.

Pelbagai insentif, diskon serta bantuan pinjaman disediakan oleh AeU untuk meringankan beban pelajar. AeU turut membantu pelajar dalam memohon Biasiswa MyBrain15 dan juga dalam memohon pinjaman daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan skim potongan KWSP.

Pengambilan Januari 2015 kini dibuka. Pendaftaran boleh dilakukan secara pendaftaran atas talian di www.aeu.edu.my atau boleh menghubungi di talian bebas tol 1 300 300 238.